

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]

SOALAN :

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan statistik pelepasan karbon mengikut komponen industri dan setiap negeri pada tahun 1990 sehingga kini serta apakah langkah drastik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk mencapai matlamat 40 peratus pengurangan pelepasan karbon menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini hanya dapat memberikan statistik pelepasan karbon mengikut komponen industri utama sahaja bagi tahun 2000, 2005, dan 2007 seperti berikut:-

Komponen Industri		Bersamaan Juta Tan Karbon Dioksida <i>Million tonne CO<sub>2</sub> equivalent</i> (Mt CO <sub>2</sub> e)		
		2000	2005	2007
Penghasilan Mineral	Simen	6.722	7.732	7.872
	Kapur	0.153	0.239	0.0979
Penghasilan Kimia	Ammonia	1.102	1.801	0.409
	Asid Nitrik	0.2046	0.217	0.1984
	Karbida (Carbide)	0.01599	0.03419	0.0638
Penghasilan Logam	Besi & Waja	2.796	4.936	1.9003
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>10.994</b>	<b>14.956</b>	<b>10.541</b>

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menjejaki pelepasan sasaran 40% intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Inisiatif menjejaki sasaran pengurangan intensiti pelepasan karbon dilaksanakan meliputi 3 program utama iaitu Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE) dan Pengurusan Sisa Pepejal (Waste).

Dalam masa yang sama, keluasan hutan negara perlu dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon secara berterusan. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema "*Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok*" yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 62.52 juta pokok telah ditanam di kawasan seluas 79,379.61 hektar.

Sekian, terima kasih.